

Seminar Pasca Ijazah dalam Pendidikan 2011**HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENGUASAAN
KEMAHIRAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI****Nur Azyyati Bt Sauki***Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, UTHM***Samsudin Bin Husin***Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, UTHM***Abstrak**

Kajian akan dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pengenalan emosi sendiri, tahap kesedaran pengurusan emosi, tahap kesedaran permotivasi emosi, tahap kesedaran empati, tahap kesedaran kemahiran bersosial pelajar aliran kemahiran kolej komuniti dan seterusnya menentukan hubungan kecerdasan emosi terhadap penguasaan kemahiran pelajar. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Data yang diperolehi menerusi edaran set soal selidik akan diproses menggunakan perisian SPSS For Windows. Data dipersembahkan secara diskriptif menggunakan min, mod, median dan peratusan, serta secara inferensi menggunakan Kolerasi Pearson. Lokasi serta populasi kajian ialah pelajar yang mendaftar untuk setiap fakulti di Kolej Komuniti Bandar Baru Darulaman, Kolej Komuniti Ledang, Kolej Komuniti Segamat dan Kolej Komuniti Cawangan Raub. Sampel dipilih secara rawak berlapis, bagi setiap Kolej Komuniti. Merujuk kepada 'Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia' (2010), jumlah bagi pelajar yang mendaftar di kedua-dua buah kolej komuniti tersebut adalah seramai lebih kurang 1030 orang pelajar. Seramai 280 orang responden dipilih berdasarkan Jadual penentuan Saiz sampel seperti yang telah dikemukakan oleh Krejci dan Morgan (1970). Penyelidikan ini dijangka akan dapat mengenalpasti tahap kecerdasan emosi pelajar aliran kemahiran serta hubungan di antara kecerdasan emosi dengan penguasaan kemahiran pelajar di Kolej Komuniti.

1.0 PENGENALAN

Kejayaan dalam pekerjaan dapat mempengaruhi kehidupan seseorang individu, tetapi belum tentu akan dapat menjamin keterampilan dan kejayaan dalam kerjaya seseorang individu. Pengetahuan dan kemahiran yang dikenali sebagai “*hard skill*” perlu di lengkapkan dengan beberapa pengetahuan atau kemahiran lain untuk mengukuhkan lagi kedudukan kerjaya individu tersebut.

Kemahiran dan pengetahuan hanya menyumbang hanya 20% dan bakinya 80% oleh kemahiran lain (Goleman, 1995). Majikan dan persatuan industri sering mengaitkan kekurangan *soft skills* seperti etika kerja yang positif, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan kebolehan membuat keputusan serta kepimpinan sebagai faktor utama yang menjejaskan kebolehpasaran siswazah Malaysia (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2010). Setiap pekerjaan memerlukan komunikasi antara satu individu dengan individu lain, dan kefahaman tentang kaedah berkomunikasi serta berinteraksi akan menjamin keterampilan dalam pekerjaan. Kegagalan berkomunikasi dan berinteraksi dengan bekesan akan memberi kesan terhadap produk yang dihasilkan dan pemasaran produk tersebut.

Sebelum ini kejayaan individu banyak dikaitkan dengan kemampuan minda (IQ) dengan andaian seseorang itu hanya akan berjaya jika mempunyai kemampuan minda yang tinggi. Andaian ini dapat dipraktikkan dari segi akademik tetapi bukan dalam bidang pekerjaan terutama yang melibatkan interaksi dengan individu lain. Ini bermakna, kecerdasan IQ semata-mata hanya menyumbang sebahagian kecil sahaja dalam keterampilan individu terutamanya dalam kehidupan. Kecerdasan Emosi (EQ) melibatkan kemahiran melibatkan dua kemahiran asas iaitu kemahiran mengenali diri atau sendiri dan kemahiran mengenali orang lain. Kemampuan ini bukan sahaja dapat menghasilkan individu yang dapat mengetahui keupayaan dan kekutan diri malah mampu memahami perasaan orang lain.

Kepentingan emosi jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu:

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepedu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Ketiadaan kesedaran dalam diri menyebabkan seseorang pelajar itu sukar untuk memahami emosi dan fikiran rakan, kerana kemampuan mereka adalah terbatas untuk menentukan emosi yang menguasai diri sendiri. Seterusnya membawa kepada sikap mementingkan diri yang mengakibatkan kegagalan untuk berkomunikasi dan seterusnya kesukaran bekerjasama dalam melakukan aktiviti yang melibatkan kumpulan, terutamanya bagi pelajar aliran kemahiran. Persoalannya, adakah pelajar ini tidak memerlukan setiap elemen kemahiran kecerdasan emosi untuk terus cemerlang dalam bidang yang diceburi, seterusnya untuk digunakan pada masa hadapan. Bagaimana pula jika dilantik untuk memegang jawatan mahupun menjadi ketua bagi sesebuah kumpulan kecil, apakah elemen kecerdasan emosi yang dapat diguna untuk melihat isu yang boleh menyebabkan sesuatu konflik secara lebih rasional.

Sejauhmanakah kepentingan tahap kecerdasan intelektual bagi menentukan tahap penguasaan sesuatu aktiviti pembelajaran bagi pelajar aliran kemahiran ini. Malangnya, kesejahteraan dan keharmonian diri dan hubungan dengan masyarakat tidak dapat diperolehi dengan hanya bergantung semata-mata kepada pencapaian kecerdasan Intelektual. Keperluan motivasi yang setanding juga perlu diberikan supaya tiada konflik akan timbul dalam kehidupan mereka oleh kerana mereka telah memperolehi garis panduan atau pendidikan yang sesuai.

Pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri individu tersebut, akan tetapi sistem pendidikan yang menekankan pembelajaran berasaskan amali atau "*hands-on*" seperti yang terdapat di Sekolah Menengah Vokasional (SMV), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, dan banyak lagi institusi lain samada kerajaan mahupun swasta juga perlu diperhatikan tahap kecerdasan emosi mereka untuk melihat hubungannya dengan penguasaan kemahiran. Oleh itu, satu kajian akan dijalankan untuk melihat sejauhmana hubungan kecerdasan emosi terhadap pencapaian penguasaan kemahiran pelajar aliran kemahiran dan pengkaji memfokuskan kepada pelajar di kolej komuniti kerana kolej komuniti adalah institusi yang menawarkan kepalbagaian aliran kemahiran.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenalpasti tahap kesedaran pengenalan emosi sendiri pelajar aliran kemahiran Kolej Komuniti.
- ii. Mengenalpasti tahap kesedaran pengurusan emosi pelajar aliran kemahiran Kolej Komuniti.
- iii. Mengenalpasti hubungan tahap kesedaran permotivasian emosi pelajar aliran kemahiran Kolej Komuniti.
- iv. Mengenalpasti tahap kesedaran empati pelajar aliran kemahiran Kolej Komuniti.
- v. Mengenalpasti tahap kesedaran kemahiran bersosial pelajar aliran kemahiran Kolej Komuniti.
- vi. Menentukan hubungan kecerdasan emosi terhadap penguasaan kemahiran pelajar aliran kemahiran Kolej Komuniti.

4.0 KECERDASAN EMOSI

Kecerdasan emosi merupakan ciri sahsiah yang dimiliki oleh seseorang individu untuk mencapai matlamat hidup, pengurusan perasaan negatif dan kemahiran menjalinkan persahabatan dengan individu lain. Terdapat lima elemen kecerdasan emosi (goleman, 1996):

- i. Kesedaran Kendiri (*Self-Awareness*). Ini adalah merujuk kepada kesedaran individu untuk mengetahui dan memahami emosinya sendiri dalam apa jua keadaan.
- ii. Mengendalikan Emosi Sendiri (*Self-Regulation*). Ini adalah merujuk kepada kebolehan menguruskan emosi yang menguasai diri sendiri
- iii. Memotivasi Emosi (*Motivation*). Bermaksud berusaha untuk meningkatkan keupayaan diri dengan menjadikan emosi sebagai medium utama.
- iv. Mengenali Emosi Orang Lain (*Empathy*). Merupakan kebolehan untuk mendengar dan mendalami perasaan orang lain.
- v. Mengendalikan Perhubungan (*Social Skill*). Ini adalah kebolehan untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan individu lain.

5.0 KOLEJ KOMUNITI

Tujuan penubuhan kolej komuniti adalah untuk member peluang kepada masyarakat tempatan untuk mendapatkan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran. Selain itu, institusi pendidikan tinggi ini menawarkan peluang bagi lulusan sekolah menengah untuk meneruskan pendidikan dan latihan di bidang teknologi, perniagaan dan sektor perkhidmatan sebelum memasuki pasaran kerja. Antara kursus yang ditawarkan adalah Sijil automotif, Sijil fesyen dan pakaian, Sijil sistem komputer dan sokongan, Sijil pelukis pelan senibina, Sijil teknologi elektrik (pemasangan dan perkhidmatan) dan sebagainya (Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia, 2009).

5.1 SIJIL MODULAR KEBANGSAAN (SMK)

Program Sijil Modular Kebangsaan merupakan program latihan kemahiran yang berdasarkan kepada proses kerja sebenar yang akan dilaksanakan secara sepenuh masa dan juga separuh masa. Program SMK adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat (warganegara Malaysia) yang berumur 17 tahun ke atas. Kurikulum Program SMK adalah dibangunkan bersama dengan industri secara berperingkat bertujuan untuk memudahkan lepasan Kolej Komuniti memasuki pasaran kerja dalam bidang berkaitan. Modul-modul yang relevan dengan pasaran kerja semasa pastinya akan membantu memantapkan kemahiran pelajar agar mampu menjadi tenaga mahir yang berkualiti. Modul-modul SMK lebih mengutamakan 'proses kerja' dan melibatkan tempoh pengajian yang fleksibel iaitu 3 bulan hingga 6 bulan.

Persijilan SMK Jangkapendek (minima 3 bulan) yang berasaskan proses kerja sebenar membolehkan peserta memasuki pasaran kerja dalam masa yang singkat. Setiap SMK mempunyai sejumlah Jam Kredit yang diiktiraf oleh MQA dan peserta boleh mengumpul beberapa SMK bagi tujuan persijilan yang lebih tinggi (Kaedah Penilaian Sijil Modular Kebangsaan, 2010).

6.0 REKABENTUK KAJIAN

Data yang diperoleh adalah berbentuk kuantitatif. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk bagi memperoleh maklumat deskriptif. Perisian berbantu komputer iaitu Statistical package for Social Science (SPSS) digunakan untuk menganalisis data kerana dapat menghasilkan ringkasan keputusan deskriptif dan kesimpulan secara analisis statistik. Skala Likert digunakan di dalam penyelidikan ini kerana tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu sehingga 85 peratus, selain ianya lebih mudah digunakan (Neuman, 1997).

Statistik kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan bagi mengukur tahap kesedaran pelajar. Maklumat keputusan pencapaian akademik pelajar adalah berdasarkan keputusan penilaian semasa peperiksaan yang lebih menjurus kepada keputusan gred bagi mata pelajaran yang merupakan pelajaran utama dalam latihan kemahiran. Seterusnya, bagi mengukur tahap kekuatan hubungan antara pemboleh ubah, Kolerasi Pearson, r digunakan.

7.0 SAMPEL KAJIAN

Populasi merupakan perkara penting dalam sesuatu penyelidikan kerana ia menentukan berapa banyak data dan maklumat yang perlu dikumpul (Abdul Ghaffar, 1999). Populasi kajian adalah pelajar yang sedang mengikuti kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Kolej Komuniti Ledang, Kolej Komuniti Segamat dan Kolej Komuniti Cawangan Raub, bagi setiap tahun pengajian. Bagi mendapatkan populasi kajian, penyelidik telah merujuk '*Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia*', 2010. Data yang akan dikumpulkan dalam kajian ini diperolehi daripada sampel yang mewakili populasi di mana penyelidik memilih beberapa individu daripada populasi tersebut secara rawak berlapis. Persampelan rawak berlapis sesuai digunakan bagi populasi yang tidak seragam (Konting, 2004).

Sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data dan mewakili populasi. Lebih besar sampel, lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan dan boleh meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan (Abdul Ghaffar, 1999). Sampel kajian yang dipilih mengurangkan persampelan bertujuan, dimana hanya responden yang memenuhi ciri-ciri kajian sahaja yang dipilih.

8.0 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen soal selidik amat sesuai digunakan untuk mengukur nilai afektif seperti persepsi, sikap, motivasi dan emosi dan keputusan yang didapati melalui kaedah soal selidik ini selalunya adalah subjektif dan persoalan tentang kebolehpercayaan terhadap keputusan jarang dibincangkan kerana ianya bergantung kepada subjektiviti seseorang individu (Abdul Ghaffar, 1999). Penyelidik memilih untuk menggunakan instrumen soal selidik kerana kajian ini melibatkan afektif pelajar iaitu hubungan kecerdasan emosi terhadap penguasaan kemahiran. Instrumen untuk mengukur kecerdasan emosi ini diambil dari kajian lepas yang telah dilakukan oleh Hj Ahmad Zakaria, 2003. Borang soal selidik untuk kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

(i) Bahagian A:

Bahagian ini berkaitan demografi responden. Ianya mengandungi empat item untuk mendapatkan maklumat mengenai gender, umur, kelulusan akademik serta kursus latihan yang sedang diambil.

(ii) Bahagian B:

Mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk memperoleh maklumat berkaitan tahap Kecerdasan Emosi (EQ). Pada setiap soalan, responden dikehendaki menandakan jawapan yang berkenaan pada petak yang telah disediakan mengikut aras perkadaran yang digunakan dalam kajian.

9.0 PROSEDUR KAJIAN

Bagi peringkat pertama, tajuk kajian ditetapkan, kemudian diikuti dengan objektif kajian, matlamat kajian, pernyataan masalah, dan persoalan kajian. Seterusnya, setelah data dikumpul melalui pelbagai sumber bahan bacaan seperti buku, jurnal, internet dan kajian yang terdahulu. Cadangan kajian dibuat berdasarkan pada maklumat yang telah diperoleh.

Apabila maklumat secukupnya diperoleh, borang soal selidik yang sesuai daripada pengkaji lepas akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Set soal selidik yang diambil adalah berdasarkan persoalan kajian yang dibentuk. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan bagi setiap item atau pernyataan yang dibina, kajian rintis akan dijalankan terhadap 30 orang responden yang dikaji. Sekiranya nilai Alpha Cronbach yang diperolehi bagi setiap item melebihi daripada 0.6, maka kajian diteruskan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada semua responden yang telah ditetapkan.

Maklumat yang bakal diperolehi daripada responden akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows*. Seterusnya, perbincangan, kesimpulan dan cadangan berkenaan kajian dibuat berdasarkan hasil daripada analisis yang dijalankan. Akhir sekali, penulisan laporan akhir akan dilakukan. Secara keseluruhannya, untuk memudahkan perjalanan kajian yang akan dilaksanakan, satu carta alir telah dibentuk bagi melihat dengan jelas bagaimana perancangan perjalanan kajian ini dilakukan.

10.0 JANGKAAN DAPATAN

Penyelidikan ini dijangka akan dapat mengenalpasti tahap kecerdasan emosi pelajar aliran kemahiran serta hubungan di antara kecerdasan emosi dengan penguasaan kemahiran pelajar di Kolej Komuniti.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M. N. (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai Johor: Penerbit UTM Press. 88-100
- Ahmad Zakaria, N. (2003). Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik. Universiti Utara Malaysia: Thesis Sarjana.
- Goleman, D. (1995). Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than Iq. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1996). Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ. USA: Bantam Books.
- Kaedah Penilaian Sijil Modular Kebangsaan (2010). Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Dicapai pada Mac 1, 2011 dari <http://www.jpkk.edu.my/bahagian/bahagian-peperiksaan-dan-penilaian/organisasi.html>
- Konting, M. M. (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Malaysia (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Neuman, W. L. (1997). Social research methods: Qualitative and quantitative approaches. Boston: Allyn and Bacon.
- Pusat perkembangan kurikulum (2003). Penerangan dan Panduan Penawaran Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik Harian. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin, A. A., Hamdan, A. (2009). Quick Fact Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia. Selangor: Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia.
- Tajul Ariffin, A. A., Hamdan, A. (2010). Quick Fact Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia. Selangor: Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education Malaysia.